

# Responsible Care®



## IKRAR KAMI UNTUK MELINDUNGI INSAN DAN ALAM SEKITAR

Menerusi inisiatif Responsible Care® dan Piagam Global Responsible Care®, Eastman telah memberi komitmen untuk meningkatkan prestasi kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan kawalan keselamatan (HSES) kami di seluruh dunia. Eastman telah menerima pakai Responsible Care sebagai asas dasar HSES kami, yang menyatakan komitmen kami untuk mengendalikan perniagaan berlandaskan semua undang-undang yang berkuat kuasa, peraturan, amalan HSES yang mantap dan prinsip Responsible Care. Ini termasuk menggalakkan dan mengekalkan komunikasi yang terbuka dengan semua pihak berkepentingan berhubung prestasi kami.

Prinsip Responsible Care merupakan asas strategi kelestarian Eastman. Pengurusan kanan menghayati dan menggalakkan sokongan aktif daripada ahli pasukan di seluruh dunia.

Kami berikrar:

- Untuk memimpin Syarikat dalam cara yang beretika yang semakin memanfaatkan masyarakat, ekonomi dan juga alam sekitar.
- Untuk mereka bentuk dan membangunkan produk yang boleh dikilang, diangkut, digunakan dan dilupuskan atau dikitar semula dengan selamat.
- Untuk bekerja dengan para pelanggan, pembawa, pembekal, pengedar dan kontraktor demi memupuk penggunaan, pengangkutan dan pelupusan bahan kimia yang selamat dan terkawal dan menyediakan maklumat bahaya dan risiko yang boleh diakses dan digunakan dalam operasi dan produk mereka.
- Untuk mereka bentuk dan mengendalikan kemudahan kami dalam cara yang selamat, terkawal dan mantap dari sudut alam sekitar.
- Untuk menyemai budaya mengenal pasti, mengurangkan dan mengurus risiko keselamatan proses secara terus menerus, di semua peringkat organisasi kami.
- Untuk menggalakkan usaha pencegahan pencemaran, mengurangkan sisa dan memulihara tenaga serta sumber kritikal yang lain di setiap peringkat kitaran hayat produk kami.
- Untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan di semua peringkat dan pelbagai organisasi dalam membangunkan undang-undang, peraturan dan standard keselamatan, kesihatan, alam sekitar dan kawalan keselamatan yang berkesan dan cekap.
- Untuk menyokong pendidikan dan penyelidikan mengenai kesan kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan keselamatan produk dan proses kami.
- Untuk menyampaikan risiko produk, perkhidmatan dan proses kepada pihak berkepentingan kami dan mendengar serta mempertimbangkan perspektif mereka.
- Untuk melakukan kemajuan yang berterusan ke arah mencapai matlamat tanpa kemalangan, kecederaan atau mudarat kepada kesihatan insan dan alam sekitar daripada produk dan operasi kami dan untuk bersikap telus dalam melaporkan prestasi kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan kawalan keselamatan kami.
- Untuk melaksanakan usaha peningkatan berterusan Responsible Care Management System® kami dalam usaha menangani prestasi alam sekitar, kesihatan, keselamatan dan kawalan keselamatan.
- Untuk menggalakkan Responsible Care® menerusi usaha menggalakkan dan membantu orang lain supaya mematuhi Prinsipprinsip Responsible Care

Mark Costa  
Chief Executive Officer  
Eastman Chemical Company

RESPONSIBLE CARE® adalah tanda perkhidmatan berdaftar Majlis Kimia Amerika

M 981 M (2-14)

**EASTMAN**